# LIVE
## THE DIFFERENCE

JIDIL 4, 2017
KDN NO. PP15838/07/2012(030848)















# KANDUNGAN


**04** KISAH BERTEMA
Tibalah Masa Paling Indah Tahun Ini

**06** INDIVIDU
Tibalah Musim Untuk Anda Memberi Yang Terbaik

**08** PRODUK
**PENJAGAAN KULIT:**
Tibalah Musim Untuk Meyelerahkan Kejelitaan Anda
**PENJAGAAN KESIHATAN:**
Tibalah Musim Anda Untuk Menjadi Bintang Yang Bergemerlapan

**12** BUDAYA
Tibalah Masanya Untuk Memberi

**14** PELUANG
Snapshot



# TIBALAH *Masa Paling Indah* TAHUN INI!

***Masa yang ditunggu-tunggu sudah tiba! Musim perayaan menjelma lagi dengan membawa bersamanya hiasan serba indah bergemerlapan, juadah enak memenuhi meja, bungkusan hadiah memenuhi ruang tamu, hilai-tawa kedengaran di mana-mana – inilah momen magis perayaan Krismas dan Tahun Baru!***

Kurang dari sebulan sebelum musim pesta dan perayaan mengunjungi kita. Pastinya kita teruja dan mungkin agak gusar apabila 2017 hampir melabuhkan tirai. Masa berlalu begitu pantas tanpa kita sedari. Adakalanya kita ketandusan masa untuk menyiapkan segala tugasan, sibuk ke sana ke mari cuba untuk menyudahkan kerja di mint-minit terakhir bagi memastikan segalanya selesai sebelum 2017 berlalu. Apa yang diharapkan, 2017 merupakan tahun yang gilang gemilang buat kita semua!

Namun begitu, walaupun anda mempunyai kuasa dan tenaga luarbiasa, musim perayaan amatlah mencabar untuk kita semua. Terlalu banyak perkara yang perlu diuruskan hinggakan tiada ruang untuk jatuh sakit! Oleh itu, pastikan anda kekal sihat, bertenaga, cergas dan bersedia sebelum menyambut tahun yang baharu. Utamakan kesihatan anda, kerana anda tentunya tidak mahu jatuh sakit bila tiba waktu untuk berpesta dan bersuka ria.

Terimalah hakikat bahawa musim perayaan bukanlah masa yang terbaik untuk berdiet atau menahan nafsu. Ianya adalah masa untuk bersuka ria bersama keluarga dan rakan-rakan, dan meraikan hari yang istimewa. Cabaran paling utama adalah melakukannya tanpa jatuh sakit atau menambah kembali berat badan yang anda telah berjaya turunkan. Jangan risau! Anda kini boleh bersuka ria, menikmati segala hidangan tanpa perlu meminggirkan tabiat pemakanan sihat anda.

Mulakan hari anda dengan Wow! Bersenam di waktu pagi membantu mengekalkan keceriaan sepanjang hari. Tahukah anda makan terlalu banyak dan stres sewaktu bercuti akan menjejaskan keadaan kulit? Cuba kawal makanan yang diambil dan latih diri untuk berkata TIDAK kepada makan berlebihan! Bukan hanya untuk kesihatan, tetapi demi mengekalkan kulit yang cantik, tanpa kehadiran jerawat yang menjengkelkan.

Selain daripada memastikan tahap kecergasan anda berada di paras yang terbaik, janganlah pula anda terlupa untuk menyediakan masa untuk orang yang tersayang dan janganlah diabaikan insan-insan yang memerlukan. Sebarkan kegembiraan, kongsikan kebahagiaan. Sempena Krismas ini, bawalah sinar harapan buat mereka yang kurang bernasib baik. Jadilah daya untuk kebaikan, buatlah sesuatu yang istimewa agar hari mereka menjadi indah!

Meraikan musim perayaan di penghujung tahun selalunya meletihkan. Oleh itu, pastikan anda bersedia luar dan dalam, fizikal dan juga mental untuk kekal cergas, bertenaga bila tiba masanya nanti. Anda mungkin tidak menyedarinya, hadiah yang terbaik adalah penjagaan kesihatan dan kecantikan buat diri sendiri dan juga mereka yang kita sayangi. Hingga bertemu di isu seterusnya, selamat berpesta dan bergembira!

Selamat Menyambut Krismas dan Selamat Tahun Baru!

KOH YEOK CHOO & YAP PECK KONG

EVELYN LAI & JONATHAN CHONG

KHO LEE LING

TAN SWEE KIM



# TIBALAH MUSIM UNTUK ANDA

# Memberi Yang Terbaik

*"Adakah bila tiba musim perayaan membuatkan anda lebih bersyukur atas segala nikmat dan ingin memberi semula kepada yang memerlukan? Hari Krismas, sering digelar sebagai musim untuk memberi! Biar apa pun pemberian, ianya adalah rezeki – kesihatan, kulit yang berseri atau berkongsi kebahagiaan dengan mereka yang kurang bernasib baik, Nu Skin percaya bahawa kebahagiaan yang memberi adalah lebih indah daripada kebahagiaan yang menerima. Buat diri anda pula, sebagai pemimpin Nu Skin yang berjaya, apakah momen terindah anda ketika berkongsi rezeki di sepanjang perjalanan bersama Nu Skin?"*

"Kami sangat bersyukur atas 'kurniaan' diterima daripada Nu Skin 16 tahun yang lalu. Melalui produknya yang inovatif; bukan hanya kami menjadi bertambah sihat dan kelihatan lebih muda, juga punyai keyakinan lebih tinggi, tetapi melalui perkongsian, rakan-rakan dan keluarga juga turut mendapat manfaatnya. Yang penting sekali, ibu saya masih kelihatan kuat, bertenaga walaupun di usia 90-an setelah mengambil produk ageLOC, malah beliau akan melancong ke Korea tahun hadapan! Di samping itu juga, budaya memberi Nu Skin mengajar saya untuk memahami makna sebenar "tangan yang memberi itu lebih mulia daripada yang menerima". Setiap bulan, kami menggalakkan rakan-rakan perniagaan kami untuk menyumbangkan 1% daripada jumlah pendapatan mereka kepada Southeast Asia Children Heart Fund (SEACHF) bagi membantu kanak-kanak yang menghidapi penyakit jantung kongenital. Selain itu juga, Project Wish List yang dianjurkan setiap kali meyambut Krismas telah memberikan kami lebih peluang untuk memberi, menghamparkan kebahagiaan dan mengukir senyuman buat kanak-kanak yang kami sayangi. Terima kasih, Nu Skin."

**Koh Yeok Choo & Yap Peck Kong**
5 Million Dollar Circle, 1 Year Team Elite Platinum & 4 Year Team Elite

"Pengaruh terbesar Nu Skin terhadap diri saya adalah transformasi diri saya yang dulunya sangat kedekut, kini menjadi seorang yang pemurah. Kami telah membantu ramai orang memperbaiki tahap kesihatan mereka melalui produk-produk Nu Skin yang inovatif. Setelah memahami budayanya, saya juga menjadi manusia yang lebih baik. Nu Skin telah mengubah saya dari seorang yang materialistik dan pentingkan diri, kini saya suka membantu orang lain, lebih menghargai kehidupan dan tidak berkira dalam memberi bantuan kepada mereka di sekeliling saya. Perubahan ini tidak ternilai dengan wang ringgit dan saya amat berterima kasih kepada Nu Skin yang melaluinya telah menyedarkan saya betapa berharganya sebuah kehidupan, lebih indah jika kita menjadikannya lebih baik, lebih bermakna. Terima Kasih, Nu Skin."

**Kho Lee Ling**
1 Million Dollar Circle & 3 Year Team Elite

"Budaya Daya Untuk Kebaikan Nu Skin telah membolehkan saya bertemu dengan ramai orang di sepanjang perjalanan, memotivasikan kami agar bekerja lebih kuat untuk menjadi manusia yang lebih baik agar dapat membantu lebih banyak orang untuk mengubah kehidupan mereka. Falsafah Blake Roney untuk menjadi manusia yang lebih baik benar-benar mempengaruhi saya. Sebagai Ahli Lembaga Kehormat Southeast Asia Children Heart Fund (SEACHF) telah membolehkan saya menyaksikan sendiri kehebatan Daya Untuk Kebaikan. Dengan bantuan Nu Skin SEACHF, seramai lebih daripada 9000 orang kanak-kanak penghidap penyakit jantung konginetal telah selesai menjalani pembedahan, hidup sihat dan membesar seperti kanak-kanak lain. Wajah-wajah ceria merekalah yang menjadi sumber kepuasan kami dan memberi kegembiraan berterusan buat kami di sepanjang perjalanan bersama Nu Skin!"

**Evelyn Lai & Jonathan Chong**
1 Million Dollar Circle, 2 Year Team Elite Platinum & 6 Year Team Elite

"Selain daripada memiliki kesihatan yang baik, kebahagiaan berterusan dan sifat pemurah di dalam kehidupan ini, mempunyai kemampuan untuk membantu yang lain juga patut disyukuri. Lebih kurang setahun yang lalu, ibu saya telah menjalani pembedahan usus pada usia 88 tahun. Beliau kini sudah pulih sepenuhnya, terima kasih kepada Pharmanex dan produk ageLOC. Saya bersyukur beliau telah mengamalkan pengambilan pemakanan tambahan selama lebih 10 tahun, yang telah menyediakan asas yang kukuh dari segi kesihatan buat beliau. Doktor menggelarnya "Wanita Kuat", kerana tidak ramai wanita seusianya yang mempu pulih dengan cepat serta sihat sepertinya. Ini menyedarkan saya bahawa kesihatan umpama akaun simpanan, anda perlu meyimpan sedari awal agar boleh dikeluarkan pada masa yang anda benar-benar memerlukan. Tiada yang lebih berharga dari melihat orang yang kita sayang berada dalam keadaan sihat, sejahtera."

**Tan Swee Kim**
1 Million Dollar Circle & Blue Diamond Executive



# TIBALAH MUSIM UNTUK MENYERLAHKAN Kejelitaan Anda




***Musim berpesta semakin hampir. Di sana sini kelihatan ramai berpusu-pusu memenuhi pusat membeli belah, membeli hadiah dan perhiasan pokok Krismas, sibuk memastikan segala kelengkapan rumah tersedia untuk meraikan Krismas sehinggakan tiada masa yang diluangkan untuk mengambil peduli tentang rutin kecantikan anda. Sama ada anda akan menyambut tetamu atau akan menjadi tetamu bersama rakan dan taulan, anda pasti mahu tampil paling menawan!***



1 NU COLOUR® ADVANCED TINTED MOISTURIZER SPF 15




2 NU COLOUR® ADVANCED LIQUID FINISH SPF 15




Perayaan Krismas sering digambarkan sebagai hari yang penuh dengan kilauan, gemerlapan dan warna warni. Di kaunter-kaunter solekan juga mempamerkan alat-alat solek bertemakan warna warni berkilau, bergemerlapan dan penuh kemewahan. Walaupun mekap dengan tona kilauan sebegitu kelihatan cantik pada kulit remaja, ia agak tidak sesuai dengan kulit dewasa. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah ini, Nu Skin dengan bangganya memperkenalkan NU COLOUR® - rangkaian bedak asas yang bukan hanya menutup cela dan noda dengan sempurna, ianya juga mengandungi manfaat anti-penuaan, yang membuatkan anda tampil berseri secara semula jadi pada Krismas ini.

Suatu kemestian sebelum keluar berpesta adalah penggunaan bedak asas yang bagus, yang boleh mengubah kulit yang kusam menjadi lebih mulus, tanpa cela. Gunakan NU COLOUR® Advanced Tinted Moisturizer SPF 15, pelembap berwarna yang kaya dengan manfaat anti-penuaan bagi sapuan nipis, ringan dan untuk menutup cela yang tidak ketara. Diformulasikan secara saintifik, mengandungi bahan khusus menentang penuaan seperti Dipalmitoyl hydroxylproline and Tetrahexyl decylascorbate yang membantu untuk mengurangkan tanda-tanda penuaan di setiap sapuan, menutup cela serta penampakan garis halus dan kedutan agar kulit tampil mulus, kelihatan sihat dan berseri-seri.

Jika anda sedang mencari bedak asas yang mampu menutup cela yang ketara, menjadikan kulit yang kendur kelihatan lebih pejal, NU COLOUR® Advanced Liquid Finish SPF 15 adalah pilihan terbaik! Diformulasikan secara saintifik, dengan kandungan bahan anti-penuaan seperti Dipalmitoyl hydroxyproline dan akar Mulberry yang membantu mengurangkan penampakan garis halus, kedutan dan pori terbuka. Gunakan NU COLOUR® Advanced Liquid Finish SPF 15 sebelum mengenakan solekan bagi menghasilkan kulit yang kelihatan cerah, mulus, tanpa cela dan tampil lebih muda.

Wajah yang segar dengan solekan yang minima adalah pilihan gaya masakini. Wajah yang disolek tebal dan penuh warna warni sudah dianggap ketinggalan zaman. Serlahkan kecantikan semula jadi anda dengan NU COLOUR®. Selamat Hari Krismas!



# TIBALAH MUSIM ANDA MENJADI
# Bintang Yang Bergemerlapan!

***Masanya sudah tiba untuk anda berpesta, bersukaria dan berparti bersama rakan-rakan! Baru hendak memulakan langkah ketika pesta gilang gemilang, dan pastinya anda teruja untuk kelihatan menawan dan menjadi tumpuan. Malangnya anda berasa lesu, kurang menyerlah dan tidak bermaya.***

Siapa yang tidak mahu menjadi bintang yang bergemerlapan ketika berpesta dan membuatkan rakan-rakan anda kagum melihat diri anda yang kelihatan lebih muda, lebih bertenaga? Tidak dinafikan bahawa kesibukan bekerja, mengembara dan berjaga lewat malam akan menjejaskan kondisi tubuh anda yang semakin dimamah usia. Tetapi, dengan rangkaian produk berinovatif Nu Skin, menjadi bintang yang bersinar di mana sahaja anda berada adalah pasti! Beginilah cara-caranya:

### PAMERKAN BAKAT MENARI YANG MENGKAGUMKAN

Terimalah hakikat bahawa anda tidak lagi mempunyai stamina dan tenaga yang sama seperti waktu muda dahulu. Kehilangan tenaga secara perlahan-lahan adalah salah satu kesan penuaan yang tidak dapat kita elakkan dan adakalanya menjengkelkan. Namun begitu, dengan Nu Skin Ultimate Duo, anda kini boleh mengekalkan paras tenaga dan meningkatkan fleksibiliti pergerakan tubuh anda! Anda kini mampu menari higga ke pagi! Memaparkan suplemen berevolusi yang berupaya mencergaskan tubuh dan juga meningkatkan tahap kesihatan anda, ageLOC YOU-Span direka khusus untuk mempengaruhi pelbagai mekanisma pertahanan penuaan bagi menghasilkan manfaat meluas terhadap kesejahteraan diri dan juga menggalakkan kesihatan sel-sel, otak, jantung, metabolisma, kulit, tulang, sendi, mata, fizikal dan sistem imun. Diambil secara berpasangan dengan ageLOC $R^2$, produk anti-penuaan berevolusi yang terdiri daripada ageLOC $R^2$ Day dan ageLOC $R^2$ Night, dirumus khas untuk menulen dan memperbaharui sel ketika anda sedang tidur serta mengekalkan keremajaan, juga mengoptimumkan penghasilan tenaga di waktu siang agar anda kekal cergas, bertenaga. Nu Skin Ultimate Duo membolehkan anda mengekalkan keremajaan, agar anda mampu melakukan apa yang anda sukai di sepanjang hayat anda!



1 ULTIMATE DUO - ageLOC YOU-SPAN & ageLOC $R^2$ PACK



2 G3



3 PROBIO PCC®



### SERLAHKAN WAJAH MUDA BERSERI DI SETIAP PERTEMUAN

Adalah menjadi impian semua orang untuk kekal muda selama-lamanya, tetapi malangnya kedutan dan tanda-tanda penuaan tetap muncul sepantas masa yang berlalu. Radikal bebas adalah punca utama berlakunya penuaan. Oleh itu, bagi mengekalkan keremajaan, anda mestilah pelajari bagaimana untuk melindungi sel-sel agar tidak dirosakkan oleh radikal bebas.

Cubalah Pharmanex g3, jus bernutrisi tinggi yang diadun dari gabungan empat buah-buahan yang hebat seperti buah Gac, Chinese Lycium, buah Cili dan nenas Siberia. Minuman enak ini telah diuji secara saintifik dan terbukti mampu memperkuatkan pertahanan antioksidan terhadap kerosakan sel akibat radikal bebas, memperlahankan kesan penuaan dengan melindungi DNA, menyokong fungsi imun sihat, serta memperbaharui sel. Hanya dengan pengambilan 30 – 90ml dua kali sehari, minuman lazat ini mampu melindungi sel anda daripada kerosakan radikal bebas, membolehkan anda menyerlahkan keremajaan anda di setiap pertemuan, setiap tahun!

### KEMBALI CERGAS SETELAH SEMALAMAN BERSUKA RIA DAN BERPESTA

Kita semua pasti sukakan pesta kerana itulah masanya untuk kita bersosial, masa untuk berkongsi kegembiraan dan sudah tentulah disertakan dengan pelbagai juadah yang enak dan minuman berperisa! Namun begitu, terlebih makan dan minum akan menjadikan kita kekembungan, rasa tidak selesa dan keletihan pada keesokan harinya. Tetapi, kesemua masalah tersebut tidak akan terjadi jika anda mempunyai sistem penghadaman yang sihat. Dengan mengambil probiotik, perut anda akan bersedia untuk berpesta dan akan membantu mengurangkan risiko kembung perut pada musim perayaan Krismas nanti.

Memperkenalkan Pharmanex ProBio PCC®, suplemen harian yang mengandungi kultur bakteria Lactobacillus fermentum, bertindak melegakan simptom berkaitan dengan masalah gastrik dan ketidakselesaan perut, ketidakhadaman, cirit birit dan lain-lain masalah berkaitan dengan sistem penghadaman, membolehkan anda kembali cergas, bertenaga walaupun telah semalaman bersuka ria, makan dan minum secara berlebihan.

Dengan kesemua produk berinovatif Nu Skin, musim perayaan ini pastinya menjadi musim untuk menyerlahkan kehebatan anda! Anda pasti menjadi tumpuan kerana anda umpama sebutir bintang yang bergemerlapan di malam pesta!










# TIBALAH MASANYA UNTUK Memberi

***Musim cuti dan perayaan selalunya dinanti-nantikan oleh kita semua. Ayam belanda panggang, pai lazat, biskut dan manisan yang enak akan bermain di fikiran, juga menandakan permulaan musim untuk memberi. Di penghujung tahun juga merupakan waktu paling tepat untuk berkongsi kegembiraan Krismas terutama sekali bersama mereka yang kurang bernasib baik.***

Namun begitu, dalam kesibukan kita menjalani kehidupan, kita sering terlupa akan kanak-kanak di luar sana yang sedang berada dalam keadaan kelaparan, kekurangan nutrisi di dalam makanan mereka yang menjejaskan perkembangan otak, tulang dan sistem imun mereka. Walaupun terdapat banyak bantuan bekalan makanan kemanusiaan di luar sana, kebanyakannya diperbuat dari bijirin seperti jagung, yang mana tidak mencukupi dari segi khasiat dan nutrien untuk perkembangan sihat kanak-kanak.

Sudah lebih 16 tahun lamanya Yayasan Nu Skin Force for Good menyumbangkan jutaan dolar bagi memperbaiki tahap kesihatan, keupayaan membaca dan situasi ekonomi kanak-kanak di lebih daripada 50 buah negara di serata dunia. Budaya Nu Skin Force of Good telah menyatukan para Pengedar, pelanggan, dan staf dengan usaha bersepadu dan inovatif, menggandakan keupayaan syarikat untuk memberikan nutrisi dan memperkasakan kanak-kanak di seluruh dunia.

Nu Skin, dengan pengalaman dan pengetahuan yang meluas tentang nutrisi, telah bergabung dengan seorang pakar tentang isu kurang nutrisi di kalangan kanak-kanak di negara-negara dunia ketiga untuk menghasilkan VitaMeal, formulasi khusus untuk kanak-kanak atau keluarga yang kekurangan nutrisi. VitaMeal merupakan hidangan pemakan sayur dan bukan tenusu yang membolehkan pelbagai bahan tambahan dimakan bersamanya, supaya ianya boleh disesuaikan dengan setiap citarasa yang berbeza. Setiap pakej VitaMeal mengandungi 30 hidangan saiz kanak-kanak, atau cukup untuk membekalkan setiap kanak-kanak dengan satu hidangan berkhasiat setiap hari selama sebulan!

## NOURISH THE CHILDREN MENCAPAI REKOD BAHARU

In August 2017, Nu Skin officially announced Pada bulan Ogos 2017, Nu Skin secara rasminya telah mengumumkan suatu pencapaian baharu yang dicatatkan bagi inisiatif Nourish the Children. Program transformasi-kehidupan ini telah mencapai sumbangan 550 juta hidangan VitaMeal di seluruh dunia, membekalkan khasiat dan nutrisi kepada kanak-kanak yang kelaparan. Semenjak ianya dilancarkan, program Nourish the Children telah didukung oleh pembelian dan sumbangan VitaMeal yang berterusan daripada kemurahan hati staf dan para Pengedar Nu Skin di serata dunia.

Sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah kelaparan, inisiatif Nourish the Children telah dilaksanakan bermula tahun 2002. Kini, dengan bantuan anda semua, 130,000 kanak-kanak kekurangan zat di serata dunia telah dapat menikmati hidangan lazat dan berkhasiat setiap hari.

“Bersama-sama kita, keluarga besar Nu Skin terus berganding bahu dan membantu memperbaiki kehidupan kanak-kanak kekurangan zat di seluruh dunia,” ujar Steven J.Lund, Pengerusi Eksekutif Lembaga dan Pengarah Eksekutif Nourish the Children. “Dengan pencapaian ini menunjukkan kemurahan hati kita sebagai manusia apabila melihat penderitaan orang lain di sekeliling kita. Kami terhutang budi kepada kemurahan hati Pemimpin Jualan kami, pelanggan dan staf yang berterusan membeli dan menyumbangkan VitaMeal untuk kanak-kanak yang memerlukan.”

Dengan sokongan padu daripada Nu Skin Angels kami yang sentiasa mendukung misi syarikat untuk menjadi Daya Untuk Kebaikan dalam memperkasakan kehidupan, kami yakin kami boleh membantu lebih ramai lagi kanak-kanak di rantau ini dan memberi mereka peluang untuk menjalani masa depan yang lebih baik di tahun-tahun yang mendatang!

# Snapshot

## TR90 CARNIVAL & PUBLIC FORUM

23 September 2017
Hotel Istana,
Kuala Lumpur





## SUCCESS CELEBRATION

21 September 2017
Kuala Lumpur





## Nu Skin ageLOC® EXPO 2017

5 August 2017
Johor Bahru & Penang
Distributor Center

11-12 August 2017
PNB Darby Park
Retail Lobby
Kuala Lumpur



